

Berita Harian
13 April 2013

Khazanah, Sun Life selesai ambil alih CIMB Aviva

Sun Life Financial Inc dan Khazanah Nasional Bhd sudah menyelesaikan pengambilalihan CIMB Aviva Assurance Bhd dan CIMB Aviva Takaful Bhd.

Langkah itu dibuat setelah memperoleh kelulusan daripada pihak berkuasa kawal selia Malaysia dan Kanada.

Sun Life dan Khazanah masing-masing membeli 49 peratus pegangan dalam kedua-dua syarikat insurans itu daripada Aviva International Holdings Ltd dan CIMB Group Holdings Bhd.

CIMB Group mengekalkan dua peratus pegangan dalam syarikat itu.

Urus niaga RM1.8b

“Urus niaga itu, yang bernilai RM1.8 bilion, termasuk hak eksklusif untuk mengedar produk insurans termasuk produk takaful, menerusi rangkaian CIMB Bank di seluruh Malaysia,” kata kedua-dua syarikat itu dalam satu

kenyataan bersama yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Kenyataan itu berkata, Ooi Say Teng yang dilantik sebagai Ketua Eksekutif CIMB Aviva Assurance Bhd, akan membantu memacu syarikat menjadi peserta utama pada masa akan datang.

“Syarikat itu akan dijenamakan semula sebaik saja kelulusan kawal selia bagi nama baru diterima,” kata kenyataan itu.

Mengulas perkembangan itu, Presiden Sun Life Financial Asia, Kevin Strain, berkata gabungan kepakaran insurans Sun Life, rekod prestasi baik pengurusan strategik Khazanah dan platform pengedaran meluas CIMB akan membantu syarikat itu mencapai kejayaan.

“

Urus niaga RM1.8 bilion itu termasuk hak eksklusif edar produk insurans menerusi rangkaian CIMB Bank ”

Kenyataan

BERNAMA